


TARIKH	19 / 2 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	Famili



Kanak-kanak mengambil peluang bergambar bersama maskot KFC dan Pizza Hut.

## KFC, Pizza Hut rai penghuni rumah kebajikan

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bharian.com.my

**Gelak** ketawa kanak-kanak itu sudah cukup menggambarkan, mereka gembira hari itu. Barangkali, suasana diraikan seperti itu jarang dapat dikecapi mereka. Justeru, apabila dirai dan dihiburkan dengan makanan enak serta pelbagai aktiviti menarik, pastinya memberikan detik begitu bermakna buat mereka.

Suasana itulah itu yang mewarnai majlis sempena Projek Penyayang yang ke-58 dan *Pizza Hut Nationwide Delivery*, di cawangan Pizza Hut dan Kentucky Fried Chicken (KFC), Kota Damansara, baru-baru ini.

Seramai 30 kanak-kanak termasuk warga tua dari lima rumah kebajikan dan anak yatim sekitar Lembah Klang diraikan pada hari itu. Lima rumah kebajikan berkenaan adalah Rumah Anak Yatim Rainbow Home di Cheras, Good Samaritan Homes (Klang), Rumah Orang Kurang Upaya Beautiful Gate Foundation (Klang) dan rumah orang tua, Charis serta Joyhaven masing-masing di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Pada majlis itu, sebanyak RM15,000 disumbangkan kepada lima rumah berkenaan dan masing-masing menerima cek bernilai RM3,000.

Hadir pada majlis itu adalah Pengarah Urusan,

### REAKSI



"Saya gembira apabila dapat makan hidangan kegemaran, ayam goreng KFC bersama rakan. Saya juga dapat melukis wajah dan bertemu maskot Chicky" - **Khoo Cheng Chong, 10, Anak Yatim Rainbow Home, Cheras.**

"Ayam goreng makanan kesukaan saya. Hari ini saya bukan saja dapat makanan kegemaran saya tetapi dapat juga melihat kungfu Shaolin" - **Thomas Cheong, 13, Anak Yatim Samaritan Homes, Klang.**

"Walaupun tidak dapat menari bersama maskot tetapi saya gembira dapat mence-riakan suasana dengan bertepuk tangan" - **Grace Soong, 16, Rumah Kanak-Kanak Kurang Upaya, Beautiful Gate Foundation Kuala Lumpur.**

Triple Platform Sdn Bhd, Datuk Ahmad Zaki Zahid dan Naib Presiden Kanan KFC, MJ Ling dan Pengurus Kanan Besar Pizza Hut Malaysia, Low Kang Moon.

### Beri sumbangan

Ahmad Zaki berkata, projek kebajikan seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai tanda penghargaan restoran pilihan ramai terbabit terhadap kewujudan golongan itu dalam masyarakat terutama kanak-kanak.

"Sebagai sebuah organisasi yang didorong oleh pengguna, menyumbangkan kembali kepada masyarakat adalah penting dan projek ini diambil bagi menyumbang kepada mereka yang memerlukan terutama kanak-kanak kurang bernasib baik, anak yatim dan warga tua seluruh Malaysia termasuk kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Program Penyayang KFC mula dibangunkan sebagai satu usaha ke arah tanggung-jawab sosial korporat dalam menyediakan makanan kepada lebih 150 rumah kebajikan dan dijalankan empat kali setahun. Kebiasaannya, ia dijalankan sempena perayaan utama seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri.

Pizz Hut Delivery pula adalah sebahagian sebuah gerakan amal oleh Pizz Hut yang mana beratus-ratus piza dihantar kepada lebih 100 rumah kebajikan sepanjang tempoh dua hari dan dijalankan dua kali setahun.